

PENGENALAN: ACCIDENT ASSIST

Kami sedia membantu jika anda terlibat dalam kemalangan

Accident Assist, yang disediakan oleh industri insurans dan takaful Malaysia, merupakan perkhidmatan awam baharu yang diperkenalkan kepada orang ramai yang memerlukan khidmat bantuan jalan raya dengan segera sekiranya berlaku kemalangan. **Accident Assist** juga akan menjawab pertanyaan asas atau umum berhubung dengan polisi/ sijil motor. Talian teleperkhidmatan khas ini dikendalikan 24 jam sehari oleh pegawai-pegawai khidmat pelanggan.

Accident Assist bertujuan untuk menambah baik proses keseluruhan yang melibatkan kemalangan jalan raya dengan menawarkan khidmat bantuan jalan raya yang tepat pada masa kepada mangsa kemalangan serta memberi panduan secara objektif mengenai cara membuat tuntutan insurans/ takaful.

Accident Assist diuruskan oleh syarikat insurans am dan pengendali takaful. Talian perkhidmatan ini dikendalikan oleh Telekom Malaysia.

Accident Assist boleh membantu anda dengan:

- Menyediakan talian bantuan, 24 jam sehari/ 7 hari seminggu
- Membantu anda mendapatkan perkhidmatan tunda di bengkel yang dibenarkan.
- Menyediakan maklumat dan menjawab pertanyaan asas atau umum yang anda mungkin ada mengenai tuntutan insurans motor/ takaful

.....
Nota: Pada masa ini, perkhidmatan ini hanya ditawarkan kepada mereka yang berada di Kuala Lumpur dan Selangor sahaja, manakala perkhidmatan tunda hanya disediakan untuk kereta persendirian sahaja.
.....